



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN  
NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR.

Tingkat 3, 5, & 6,  
Blok B, Wisma Sri Pahang,  
25503 Kuantan,  
Pahang Darul Makmur.

Tel. : 09-512 6800  
Fax. : 09-513 4839  
Email : pkn@pahang.gov.my

**#MajuTerusPahang #Pahang1<sup>st</sup>**

Ruj. Kami : PERB.PHG.SPA 100-1/1.9/1 Jld. 2 (20)  
Tarikh : 20 Oktober 2020

## SENARAI EDARAN

YB Dato' Sri/ YAA Dato' Sri/ Sahibus Samahah Dato' Sri/ YH Dato/ Tuan/ Puan,

## PROSES PERMOHONAN PENYENGGARAAN KENDERAAN

Dengan hormatnya izinkan saya menarik perhatian YB.Dato' Sri/ YAA Dato' Sri/ Sahibus Samahah Dato' Sri / YH Dato/ Tuan/ Puan mengenai perkara di atas.


2. Seperti mana maklumat pihak YB.Dato' Sri/ YAA Dato' Sri/ Sahibus Samahah Dato' Sri/ YH Dato/ Tuan/ Puan, Kementerian Kewangan telah mengeluarkan Pekeliling Perbendaharaan WP4.1 - Pengurusan Kenderaan Jabatan yang turut merangkumi skop pembaikan dan penyenggaraan kenderaan. Selaras dengan pekeliling tersebut juga, pentadbiran ini telah mengambil inisiatif untuk menambah baik proses permohonan penyenggaraan kenderaan jabatan bagi memastikan ia dilaksanakan dalam keadaan teratur selaras dengan peraturan dan pekeliling berkuat kuasa. Proses permohonan dan carta alir yang berkaitan adalah seperti di **Lampiran A**.

3. Perhatian dan kerjasama pihak YB.Dato' Sri/ YAA Dato' Sri/ Sahibus Samahah Dato' Sri/ YH Dato/ Tuan/ Puan untuk mematuhi sepenuhnya pekeliling dan peraturan mengenai proses permohonan penyenggaraan kenderaan yang dikeluarkan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,


  
(DATO' INDERA NAZRI BIN ABU BAKAR, SIMP., DSAP., DIMP., SMP.)  
PEGAWAI KEWANGAN NEGERI  
PAHANG DARUL MAKMUR

## Proses Permohonan Penyenggaraan Kenderaan

BIL.	TINDAKAN	JABATAN BERTANGGUNG JAWAB	UNDANG-UNDANG, PERATURAN DAN PUNCA KUASA
1.	Pemandu melaporkan kerosakan kenderaan dengan mengisi borang <b>KEW.PA-10 : Borang Aduan Kerosakan Aset Alih Kerajaan.</b>		
2.	Pegawai Kenderaan memeriksa kenderaan berkenaan dan menyediakan laporan/ syor pembaikan dan penyenggaraan.		
3.	Mendapatkan kelulusan peruntukan untuk menyenggara kenderaan daripada Bahagian Kewangan.		
4.	<p>Mendapatkan sebutharga daripada bengkel kenderaan swasta.</p> <p>Pekeliling Perbendaharaan WP4.1 menetapkan :</p> <p>a) Kos penyenggaraan dan pembaikan di bengkel kenderaan swasta yang <u>melebihi</u> <b>RM3,000.00 bagi motosikal, RM5,000.00 bagi kereta saloon, RM9,000.00 bagi kenderaan ringan dan RM15,000.00 bagi kenderaan berat</b>, ia hendaklah dirujuk ke JKR Mekanikal.</p> <p>b) Kos penyenggaraan yang <u>kurang</u> daripada <b>RM3,000.00 bagi motosikal, RM5,000.00 bagi kereta saloon, RM9,000.00 bagi kenderaan ringan dan RM15,000.00 bagi kenderaan berat</b>, maka kenderaan akan terus dibawa ke bengkel kenderaan swasta untuk pembaikan dan penyenggaraan.</p>	Jabatan	PP Pekeliling Perbendaharaan WP. 4.1 Pengurusan Kenderaan
5.	Membuat permohonan pemeriksaan kerosakan atas talian melalui Sistem PIKAT (Sistem Penilaian Kenderaan Atas Talian) JKR Malaysia dan cetak permohonan.		

BIL.	TINDAKAN	JABATAN BERTANGGUNG JAWAB	UNDANG-UNDANG, PERATURAN DAN PUNCA KUASA
6.	Mengeluarkan surat permohonan pemeriksaan kerosakan beserta cetakan permohonan daripada Sistem PiKAT ke JKR Mekanikal.		
7.	Kos penyenggaraan yang melebihi daripada <b>RM3,000.00</b> bagi motosikal, <b>RM5,000.00</b> bagi kereta saloon, <b>RM9,000.00</b> bagi kenderaan ringan dan <b>RM15,000.00</b> bagi kenderaan berat, maka kenderaan akan dibawa ke JKR Mekanikal untuk pemeriksaan dan pengesahan kos serta pengeluaran Laporan Pemeriksaan Kenderaan.	JKR Mekanikal	
8.	Bagi kos yang melebihi RM10,000.00, surat permohonan kelulusan beserta Laporan Pemeriksaan Kenderaan hendaklah dihantar ke Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Pahang (PKPN) sebelum kenderaan dihantar ke bengkel kenderaan swasta.	Jabatan	Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Pahang Bil. 1 Tahun 2019 – Kelayakan Kenderaan Kerajaan serta Peraturan Umum Penggunaan Bahan Api
9.	PKPN mengeluarkan surat kelulusan bagi penyenggaraan pembaikan bernilai RM10,000.00 dan ke atas.	Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Pahang (untuk jabatan dibawah negeri sahaja)	
10.	Kenderaan yang telah disenggara oleh bengkel kenderaan swasta hendaklah diperiksa oleh jabatan dan perlu disahkan oleh JKR Mekanikal.	Jabatan/ JKR Mekanikal	PP Pekeliling Perbendaharaan WP. 4.1 Pengurusan Kenderaan
11.	Merekod setiap senggaraan kenderaan dalam Buku Log Kenderaan Kerajaan dan <b>KEW.PA-15 : Rekod Penyelenggaraan Aset Alih.</b>		

## PROSES PERMOHONAN PENYENGGARAAN KENDERAAN



**\*\*Nota :** Sila pastikan setiap pergerakan kenderaan direkod dalam Kew.PA-9: Borang Permohonan Pergerakan dan Pinjaman Aset Alih